

PENGUASAAN TATABAHASA REMAJA MALAYSIA: ANALISIS PRAGMATIK

Nor Hashimah Jalaluddin

shima@ukm.my

Julaina Nopiah

julaina.nopiah@city.edu.my

Pusat Pengajian Bahasa dan Linguistik
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
Universiti Kebangsaan Malaysia

Abstrak

Kajian penguasaan pragmatik ini melibatkan kira-kira 300 remaja yang merupakan pelajar tingkatan empat di Semenanjung Malaysia yang dipilih secara rawak mengikut zon, iaitu zon tengah (Negeri Sembilan), zon timur (Kelantan) dan zon utara (Kedah). Pelajar tersebut dikehendaki menjawab soalan soal selidik dan menduduki ujian bertulis yang telah disediakan. Aspek yang difokuskan dalam kajian ini ialah tatabahasa. Dalam bahagian ini, pengkaji akan menumpukan kepada dua bahagian, iaitu kemahiran membina ayat menggunakan kata “bermuka-muka” dan “terkemuka”, dan kemahiran mengaplikasi peribahasa “berat mata memandang, berat lagi bahu memikul”. Hasil kajian menunjukkan bahawa remaja Malaysia masih lemah dalam menguasai soalan yang memerlukan maklumat pragmatik. Secara keseluruhannya, tahap penguasaan pragmatik remaja Malaysia masih pada tahap kurang memuaskan (memperoleh peratusan) betul antara 50-69 peratus bagi “berat mata memandang, berat lagi bahu memikul”, “bermuka-muka” dan “terkemuka”.

Kata kunci: pragmatik, remaja, tatabahasa, peribahasa, ujian bertulis

Abstract

The impetus of this study is driven from lack of previous research in pragmatic competence of Malaysian teenagers. Three hundred Form Four students in Peninsular Malaysia were randomly chosen in these zones: Central Zone (Negeri Sembilan), Eastern Zone (Kelantan), and Northern Zone (Kedah). The participants were requested to complete a questionnaire and sit for a written test. As grammar was the main focus, the study covered two parts: sentence construction skill “bermuka-muka and terkemuka”, and proverb application skill “berat mata memandang, berat lagi bahu memikul”. The findings revealed the respondents poor competence in questions relating to pragmatics. On the whole, the pragmatic competence is quite unsatisfactory (with 50-69 percent correct answers) for “berat mata memandang, berat lagi bahu memikul, bermuka-muka” and “terkemuka”.

Keywords : pragmatic, teenagers, grammar, proverb, written test

PENDAHULUAN

Perkembangan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar menjadikannya sebagai mata pelajaran teras pada semua peringkat persekolahan. Pembelajarannya mencakupi peringkat sekolah rendah dan sekolah menengah. Bagi meningkatkan penggunaan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar seluruh masyarakat, kerajaan Malaysia telah menerapkan Bahasa Melayu sebagai mata pelajaran wajib lulus dalam semua peperiksaan umum seperti UPSR, PMR dan SPM. Walaupun bahasa Melayu dijadikan sebagai mata pelajaran yang wajib dipelajari dan dikuasai oleh pelajar, namun status pembelajaran antara seorang pelajar dengan pelajar yang lain adalah tidak sama. Ada yang mempelajarinya sebagai bahasa pertama, dan ada pula yang mempelajarinya sebagai bahasa kedua. Selain itu, setiap jenis sekolah juga mengajarkan mata pelajaran Bahasa Melayu dengan cara dan jumlah masa yang berlainan. Peranan bahasa sebagai medium atau perantara komunikasi dalam proses pembelajaran merupakan elemen penting dalam pembentukan jati diri dan penguasaan linguistik seseorang individu. Sejajar dengan kepentingan bahasa itu sendiri, proses pendidikan bahasa perlu dimulai dan dipupuk sejak dari peringkat awal pembelajaran formal seseorang. Cabaran arus globalisasi yang mementingkan bahasa Inggeris menyebabkan remaja di Malaysia perlu mempelajari dan berusaha

menguasai bahasa Inggeris. Menyedari hakikat tersebut timbul persoalan, apakah tahap penguasaan bahasa Melayu remaja Malaysia pada masa kini?

Justeru, banyak penyelidik telah cuba merungkaikan persoalan ini melalui kajian terhadap penguasaan bahasa Melayu khususnya dalam kalangan pelajar sekolah. Walau bagaimanapun, tumpuan para penyelidik sebelum ini berkisar sejauh mana tahap penguasaan pelajar dalam aspek tatabahasanya. Namun demikian, penguasaan bahasa Melayu bukan sahaja sekadar mengukur kecekapan para pelajar dalam menguasai rumus linguistiknya, tetapi sepatutnya dilihat juga kecekapan para pelajar dalam menguasai bahasa Melayu melalui pengetahuan bukan linguistiknya. Hal ini kerana, penguasaan dalam sesuatu bahasa itu bukanlah diukur daripada kecekapan tatabahasa semata-mata, tetapi turut diukur melalui kemahiran individu tersebut menggunakan bahasa mengikut konteks yang bersesuaian (Chomsky, 1980).

Soalan yang berkaitan dengan peribahasa dan simpulan bahasa misalnya, bukan sahaja memerlukan kecekapan linguistik pelajar dalam menjawabnya, tetapi turut memerlukan maklumat bukan linguistik. Sekadar menguasai bahasa Melayu melalui rumus-rumus tatabahasa yang diajar oleh guru, sesungguhnya tidak menjamin pelajar dalam menjawab soalan-soalan yang memerlukan kemahiran ilmu pragmatik dalam kalangan pelajar. Sebagai contoh, perkataan *bermuka-muka*, jika dilihat secara makna harfiahnya, perkataan tersebut boleh ditafsirkan sebagai “banyak muka” (yang merujuk kepada muka surat). Tidak salah sekiranya ada pelajar yang menjawab dengan jawapan sebegini disebabkan proses pembentukan kata perkataan itu sendiri. Namun, sejauh manakah pengetahuan pragmatik yang dimiliki oleh pelajar, sehinggakan mereka berjaya mencapai perkataan ini sebagai simpulan bahasa dan tidak melihat maknanya secara harfiahnya semata-mata. Bermula dengan persoalan ini, ditambah pula penguasaan pragmatik remaja yang selama ini kurang diketengahkan dalam membicarakan masalah penguasaan bahasa, telah membawa kepada pengkajian untuk melihat penguasaan pragmatik yang dikhususkan dalam kalangan remaja Malaysia. Bersandarkan data dari lapangan, dan ditambah pula maklumat data korpus yang dijana, dapat membantu penghasilan sebuah kajian penguasaan pragmatik yang boleh dimanfaatkan bersama khususnya kepada ahli perancang bahasa dan pelaksana program bahasa pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu.

KAJIAN PENGUASAAN BAHASA MELAYU

Pada hakikatnya, kajian tentang penguasaan bahasa Melayu telah menarik minat sarjana tempatan untuk menyelidikinya. Kajian yang lepas dapat dikelompokkan kepada dua kumpulan, iaitu kajian deskriptif yang merupakan kajian bersifat huraian semata-mata dan kajian eksplanatori yang merupakan kajian yang memberikan penjelasan terhadap setiap fenomena bahasa yang diutarakan.

Kajian oleh Awang Mohamad Amin (1981), Abdul Hamid Mahmood (1990) dan S. Nathesan (1999) boleh diklasifikasikan sebagai kajian yang berbentuk deskriptif. Ketiga-tiga kajian ini dianggap bersifat deskriptif kerana aspek yang dikaji secara menyeluruh. Kajian yang dilakukan oleh ketiga-tiga penyelidik ini tanpa menggunakan landasan teori. Analisis yang dilakukan dinyatakan dalam bentuk preskriptif, iaitu menyenaraikan bentuk yang salah dan memberikan bentuk-bentuk yang betul.

Kajian yang dilakukan oleh Nor Hashimah Jalaluddin, Zaharani Ahmad & Idris Aman (2003), Nor Hashimah Jalaluddin (2010), Zaharani Ahmad dan Fazal Mohamed (2010) dan Nor Hashimah Jalaluddin dan Junaini Kasdan (2010) boleh dikatakan sebagai kajian eksplanatori. Dalam kajian eksplanatori, kajian yang dilakukan adalah secara teoritis. Hal ini bermakna, setiap aspek yang dibincangkan dalam kajian tersebut dihuraikan satu persatu.

KONSEP PENGUASAAN PRAGMATIK

Bahasa merupakan satu entiti yang terdiri daripada dua komponen pengetahuan, iaitu tatabahasa dan penguasaan berbahasa. Istilah tatabahasa merujuk peraturan-peraturan yang diguna pakai dalam menyusun pelbagai unsur dalam sesuatu bahasa agar bersesuaian dengan kaedah penyusunan secara sintagmatik atau secara mendatar (Zulkifley Hamid, Ramli Md Salleh & Rahim Aman, 2006).

Manakala penguasaan bahasa pula merujuk kepada pemahaman para pengguna bahasa tentang pelbagai kekangan sosial yang wujud dalam pelbagai wacana atau situasi berbahasa. Dengan perkataan lain, penguasaan berbahasa merupakan kebolehan para pengguna bahasa memilih dan menggunakan unsur-unsur bahasa dengan betul dan bersesuaian dengan keadaan bagi memungkinkannya pelbagai tujuan komunikasi mendapat kesan yang diharapkan. Ini selari dengan pendapat Widdowson (1978) yang mengatakan:

Seseorang yang mengetahui sesuatu bahasa mempunyai pengetahuan yang lebih daripada hanya yang membolehkan beliau untuk memahami, bertutur, membaca dan menulis ayat-ayat. Dia juga tahu bagaimana ayat-ayat digunakan untuk mendapatkan kesan komunikasi yang dikehendaki.


Walau bagaimanapun, ahli bahasa yang berlainan menggunakan istilah yang berlainan untuk menjelaskan dua komponen pengetahuan di atas (tatabahasa dan penguasaan berbahasa). Halliday (1970), menggunakan istilah bentuk dan makna. Gumperz (1971) menggunakan istilah “kekangan nahu” dan “kekangan sosial”, manakala Chomsky pula menamakan kedua-dua istilah ini sebagai “kecekapan tatabahasa” dan “kecekapan pragmatik”. Kecekapan pragmatik secara umumnya didefinisikan sebagai keupayaan untuk menggunakan bahasa dalam satu gaya yang sesuai mengikut konteks (Chomsky, 1980). Dalam tulisannya, Chomsky telah memperkenalkan istilah kecekapan pragmatik yang merujuk kepada pengetahuan bagaimana bahasa digunakan mengikut konteks yang bersesuaian. Kecekapan pragmatik meletakkan bahasa dalam persekitaran penggunaannya (Chomsky, 1980). Dalam mengukur penguasaan pragmatik remaja dalam kajian ini, istilah kecekapan pragmatik yang diutarakan oleh Chomsky (1980) digunakan.

PENGUASAAN PRAGMATIK REMAJA MALAYSIA

Artikel ini akan memaparkan hasil kajian yang diperoleh daripada beberapa soalan kemahiran tatabahasa yang dikelompokkan kepada dua bahagian, iaitu membina ayat “terkemuka” dan “bermuka-muka”, dan kemahiran peribahasa “berat mata memandang, berat lagi bahu memikul”. Tahap penguasaan pragmatik remaja dalam kajian ini dikategorikan kepada empat skala berikut:

Jadual 1 Skala pengkategorian tahap penguasaan.

Tahap	Peratus (%)
Sangat memuaskan	85 ke atas
Memuaskan	70 – 84
Kurang memuaskan	50 – 69
Tidak memuaskan	0 – 49



Rajah 1 Penguasaan pragmatik dalam kalangan remaja.

Membina Ayat

Daripada hasil kajian didapati pelajar mengalami masalah dengan beberapa kata terbitan. Kata terbitan ialah bentuk perkataan yang dihasilkan melalui proses pengimbuhan, iaitu proses yang menggandingkan imbuhan pada kata dasar (Nik Safiah Karim *et al.*, 2004). Pengimbuhan ini melahirkan bentuk perkataan yang disebut kata terbitan. Menurut Zaharani (2007), kata terbitan ialah kata yang telah menerima imbuhan. Dalam kajian ini, kata terbitan yang tidak dapat dikuasai oleh pelajar ialah *terkemuka* dan *bermuka-muka*.

1. Terkemuka

Hasil analisis menunjukkan hanya 65.3 peratus (196) sahaja remaja yang mampu menggunakan kata terbitan ini dengan betul. Sebanyak 34.7 peratus (104) remaja yang boleh ditafsirkan gagal menguasai kata terbitan ini. Jika dilihat berdasarkan proses pembentukannya, kata terbitan *terkemuka* lazimnya terbentuk daripada proses pengimbuhan (imbuhan awalan + kata dasar). Mengikut buku tatabahasa, imbuhan awalan *teR* yang digabungkan dengan kata dasar akan membentuk kata kerja transitif dan tak transitif (Zaharani Ahmad, 2010). Imbuhan *teR-* juga merupakan awalan kata kerja

yang berfungsi sebagai penetap golongan (Asmah, 1982). Dari sudut semantiknya, imbuhan *teR-* ini mendukung empat makna, iaitu:

i. *teR* dengan makna “tak sengaja”

Kata dasar yang dibentuk daripada imbuhan awalan *teR-* bagi makna ini boleh merupakan kata kerja transitif dan boleh juga digolongkan dalam kategori kata kerja tak transitif. Misalnya, apabila imbuhan awalan *teR-* digabungkan dengan kata dasar “pegang”, “pijak” dan “sepak” maka kata terbitan yang terbentuk ialah kata kerja transitif “terpegang”, “terpijak” dan “tersepak”. Hal ini berlainan pula apabila awalan *teR-* diimbuhkan dengan kata dasar “tidur” yang membentuk kata kerja tak transitif “tertudur”.

ii. *teR-* dengan makna “sudah selesai”

Kata dasar bagi pengimbuhan makna ini merupakan kata kerja tak transitif, misalnya kata terbitan “terhidang, terbuka”, “tertutup”, “tergantung”, “terletak” dan sebagainya.

iii. *teR-* dengan makna “keupayaan luar biasa”

Awalan *teR* dengan makna ini lazimnya diimbuhkan kepada kata dasar yang merupakan kata kerja transitif. Walau bagaimanapun, jenis makna ini ditentukan oleh konteks ayat. Sebagai contoh, ayat pasif “terdaki dia gunung itu”.

iv. *teR-* dengan makna “perbuatan sia-sia”

TeR- dengan makna ini melalui proses pengimbuhan pada kata dasar berganda seperti “kejar-kejar” dan “tanya-tanya” yang menghasilkan kata terbitan “terkejar-kejar” dan “tertanya-tanya”.

Selain berfungsi sebagai kata kerja, imbuhan *teR-* juga berfungsi dalam kategori kata adjektif. Situasi ini berlaku apabila awalan *teR-* ini diimbuhkan kepada kata dasar yang tergolong dalam kategori kata adjektif. Kata terbitan yang dihasilkan ini membawa makna “paling” atau “perbandingan”. Apabila awalan *teR-* diimbuhkan pada kata dasar kelas kata adjektif seperti “hebat”, “tinggi”, “cantik” dan “pandai”, maka makna yang akan didukung oleh kata terbitan tersebut ialah “paling hebat”, “paling tinggi”, “paling cantik” dan “paling pandai”. Berbalik kepada kata terbitan *terkemuka*, walaupun dari segi morfologinya ternyata kata terbitan ini tergolong dalam kelas kata kerja, namun ia tidak sama

jika dilihat dari segi fungsinya. Dari segi fungsi, kata terbitan *terkemuka* termasuk dalam kategori kelas kata adjektif. *Kamus Dewan* Edisi Empat (2007) mendefinisikan kata terbitan *terkemuka* sebagai *terkenal* dan *ternama*. Oleh yang demikian, secara logiknya, kata terbitan ini adalah sama dengan kata adjektif terbitan yang lain seperti “terhebat”, “tertinggi”, “tercantik” dan “terpandai” yang menggambarkan konsep makna “paling” (paling hebat, paling tinggi, paling cantik dan paling pandai). Namun begitu, terdapat kekeliruan dari segi pembentukan kata terbitan ini. Kata adjektif terbitan “terhebat”, “tertinggi”, “tercantik” dan “terpandai” terbentuk daripada proses pengimbuhan awalan *teR-* dengan kata dasar yang sememangnya daripada golongan kelas kata adjektif. Walaupun secara fungsinya kelihatan sama, namun secara pembentukannya adalah tidak sama. Kata terbitan *terkemuka* pada dasarnya berasal daripada kata dasar “muka”. Sebelum kata dasar ini menerima awalan *teR-* kata dasar ini terlebih dahulu membentuk frasa “ke muka” yang bermaksud (i) maju ke hadapan (ii) mara. Dalam kes ini, kata dasar “ke muka” bukanlah daripada kategori kata adjektif seperti kata adjektif terbitan yang lain, sebaliknya daripada frasa preposisi (Zaharani Ahmad & Fazal Mohamed, 2010).

Berdasarkan skrip jawapan yang diterima, jelas menunjukkan kesalahan responden dalam membina ayat bagi kata terbitan *terkemuka* disebabkan kecelaruan antara kategori dengan fungsinya. Antara contoh kesalahan penggunaan kata terbitan *terkemuka* yang diperoleh ialah:

- a. Keputusan UPSR Lina, *terkemuka* di sudut kenyataan.
- b. Jawapannya sudah *terkemuka* di papan hitam.
- c. Wajah Ayuni *terkemuka* di hadapan majalah mangga.
- d. Berita kehilangan kanak-kanak tersebut *terkemuka* dalam surat khabar semalam.
- e. Nama aku telah *terkemuka* di papan kenyataan setelah diumumkan sebagai pelajar terbaik di sekolah ini.
- f. Wajah Siti *terkemuka* di muka depan majalah *Mangga*.
- g. Tiba-tiba wajah ibu *terkemuka* di ingatannya.
- h. Wajah Ikram tiba-tiba *terkemuka* di ingatan Wani.

Berdasarkan jawapan salah yang diberikan oleh responden, didapati *terkemuka* yang dibina dalam ayat mereka tergolong dalam kategori kelas kata kerja dan menyebabkan ayat yang dibina ini menjadi tidak gramatis. Dari segi makna pula, berdasarkan konteks ayat, didapati contoh jawapan (a) hingga (h) yang diberi menunjukkan kata terbitan *terkemuka* bermaksud “tersiar” dan “terpampang”. Konsep makna yang didukung kata terbitan

ini bolehlah disamakan dengan makna “sudah selesai” seperti juga kata terbitan *terhidang*, *terbuka*, *tergantung* dan *terletak*. Dalam contoh ayat (g) dan (h), makna *terkemuka* turut mengandungi konsep “tak sengaja” memandangkan pembayang kata “tiba-tiba” yang terkandung dalam ayat mereka. Berdasarkan contoh kesalahan yang dilakukan oleh responden, didapati kelemahan remaja dalam menguasai kata terbitan ini berpunca daripada kekeliruan antara kategori kelas kata bagi kata tersebut dengan fungsi yang didukungnya. Awalan *teR-* yang berfungsi sebagai awalan kata kerja menyebabkan mereka cenderung mentafsirkan *terkemuka* tergolong dalam kategori kata kerja.

2. Bermuka-muka

Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa kebanyakan remaja Malaysia tidak dapat membina ayat yang berhubung dengan penggunaan kata terbitan *bermuka-muka*. Tahap penguasaan mereka adalah kurang memuaskan (53 peratus). Hasil penelitian data menunjukkan bukan sahaja remaja bukan Melayu yang lemah dalam menguasai kata terbitan ini, pencapaian remaja Melayu juga kurang memuaskan. Jika dilihat dari segi morfologi, perkataan *bermuka-muka* terbentuk hasil daripada proses pengimbuhan dan penggandaan (Zaharani Ahmad, 2010). Daripada bentuk kata secara harfiahnya, kata “bermuka-muka” ini lazimnya berasal daripada kata dasar “muka”. Kata ini seterusnya menerima imbuhan awalan *beR-* sebelum mengalami proses penggandaan.

Jika dilihat secara umumnya, dalam bahasa Melayu, awalan *beR-* mempunyai fungsi sebagai penetap dan juga sebagai pengubah golongan. Dengan itu, awalan *beR-* boleh diimbuhkan kepada kata dasar yang tergolong dalam kata kerja, kata sifat, kata nama, dan ganti nama diri. Apabila awalan *beR-* ini diimbuhkan kepada kata kerja, maka imbuhan *beR-* ini boleh mengandungi tiga makna, iaitu (i) membuat atau melakukan sesuatu dengan orang lain, (ii) membuat atau melakukan sesuatu pada diri sendiri dan (iii) membuat atau melakukan sesuatu bagi kebiasaan (Asmah Haji Omar, 1982).

Begitu juga yang terjadi apabila imbuhan awalan ini digabungkan dengan kata sifat. Apabila *beR-* diimbuhkan dengan kata sifat, *beR-* akan mendukung makna “mempunyai rasa atau sifat” misalnya *berjinak*, *berjimat*, *bermuram* dan lain-lain lagi. Apabila awalan *beR-* diimbuhkan kepada kata nama, maka akan menghasilkan beberapa makna, iaitu (i)

menghasilkan, mengeluarkan, memberi seperti *beranak* dan *berpeluh* (ii) menggunakan, mempunyai, memakai seperti *berbedak* dan *berkuda* (iii) mempunyai seperti *beriman* dan *berwang*, (iv) menganggap sebagai, mempunyai sebagai seperti *beraja* dan *bertuan*, (v) mengerjakan, menguruskan seperti *berladang* dan *bersawah*, (vi) bekerja sebagai seperti *bertukang* dan *berkuli* (vii) menghadiri, menjalani seperti *berpanas*, *berhujan* dan *bersekolah* (Asmah Haji Omar, 1982). Imbuan *beR-* juga berfungsi sebagai awalan kata bilangan. Makna yang didukungnya ialah (i) dalam kumpulan seperti *berjuta* dan *berempat* (ii) banyak seperti *berhari* dan *berduyun*. Apabila kata berimbuan *beR-* digandakan, maka kata tersebut membawa pengertian banyak seperti *berguni-guni*, *berduyun-duyun* dan *berhari-hari*.

Jika dilihat secara morfologinya, perkataan *bermuka-muka* ini bolehlah didefinisikan sebagai “banyak muka”. Hal ini disebabkan oleh kedua-dua proses morfologi yang dialami kata dasar “muka” itu sendiri (pengimbuhan dan penggandaan) yang menyebabkannya mendukung konsep makna “banyak”. Walau bagaimanapun, berlainan pula dari segi pragmatiknya. Secara pragmatik, perkataan “bermuka-muka” bukanlah bererti “banyak” tetapi mengandungi definisi kedua yang diberikan dalam *Kamus Dewan* (2005), iaitu “berpura-pura”. *Kamus Dewan* Edisi Keempat (2005), mendefinisikan perkataan *bermuka-muka* sebagai 1. berhadapan muka (dgn), di depan muka; 2. Id secara terus-terang, tidak bersembunyi-sembunyi (melakukan sesuatu dll); 3. Tidak dgn ikhlas, hanya pada lahirnya saja, berpura-pura; 4. Beberapa atau banyak muka (surat). Berdasarkan jawapan yang diberikan oleh pelajar, didapati makna *bermuka-muka* dalam konteks ayat yang diberikan bukanlah daripada makna yang diperoleh menerusi kamus sahaja, sebaliknya menggambarkan beberapa makna lain seperti bangga/berlagak, menonjolkan diri, banyak, berbohong, bertemu/berjumpa dan bermasam muka. Yang berikut merupakan contoh jawapan yang diterima daripada kertas jawapan pelajar:

i. Bangga/berlagak

- a. Aminah sering *bermuka-muka* dengan kelebihanannya yang pandai menyanyi.
- b. Haminah selalu *bermuka-muka* dengan kekayaan bapanya.
- c. Amir *bermuka-muka* dengan pencapaiannya dalam peperiksaan baru-baru ini.
- d. Dia *bermuka-muka* dengan kami apabila dia menjadi seorang kaya.

ii. Menonjolkan diri

- a. Amanda sangat suka *bermuka-muka* di khalayak ramai.
- b. Siti suka *bermuka-muka* di hadapan orang ramai.
- c. Azie seorang yang suka *bermuka-muka* kerana berani bercakap di khalayak ramai.

iii. Banyak

- a. *Bermuka-muka* helaian kertas yang telah saya baca.
- b. Ayah menyelak surat khabar yang *bermuka-muka*.
- c. Alamin bermasam kerana disuruh untuk membaca *bermuka-muka* surat itu.
- d. Buku itu mempunyai muka surat yang *bermuka-muka*.

iv. Bertemu/berjumpa

- a. Hafizan telah *bermuka-muka* dengan Amirul di bawah pokok.
- b. Abang *bermuka-muka* dengan perempuan itu di tasik.
- c. Mereka sering *bermuka-muka* secara bersembunyi.
- d. Razif *bermuka-muka* dengan Aminah selepas waktu sekolah.

v. Bermasam muka

- a. Tiffany *bermuka-muka* dengan Mandy sejak pergaduhan semalam.
- b. Adik *bermuka-muka* di hadapan ibu, kerana tidak dapat sesuatu yang dikehendaki.
- c. Mereka sering *bermuka-muka* kerana mereka sering bergaduh.
- d. Aku melihat Aini *bermuka-muka* dengan Rosni kerana bergaduh semalam.

vi. Berbohong

- a. Syahirah bercakap *bermuka-muka* apabila di depan ibunya.
- b. Ahmad selalu *bermuka-muka* apabila bercakap.
- c. Saiful sering *bermuka-muka* dalam setiap percakapannya.
- d. Penjenayah itu *bermuka-muka* apabila diajukan soalan kepadanya.

Didapati ramai remaja yang tidak dapat membina ayat dengan betul kerana terpengaruh dengan makna nahu, iaitu makna secara literalnya (makna tersurat). Jika dilihat jawapan *bermuka-muka* yang ditonjolkan dalam (ii) dan (iv), walaupun tidak menepati definisi yang diutarakan dalam kamus, namun masih bersangkutan dengan definisi pertama yang diberikan dalam *Kamus Dewan* (2005) yang mendukung konsep “berhadapan muka”.

Kajian juga mendapati terdapat responden yang terpengaruh dengan makna kata dasar “muka” itu sendiri. Misalnya, makna bermasam muka yang diberikan mempunyai perkaitan dengan makna kedua bagi kata dasar “muka”, iaitu “air muka” atau “rupa muka”. Walaupun bermasam muka juga merupakan simpulan bahasa yang mengandungi makna pragmatiknya, namun maknanya tidak sama dengan makna tersirat bagi “bermuka-muka”. Begitu juga dengan makna “berlagak” yang ditunjukkan dalam ayat yang dibina. Dalam *Kamus Pelajar* Edisi Kedua, “berpura-pura” bermaksud berbuat sesuatu seolah-olah melakukan diri spt; *berlagak*. Dalam hal ini, kemungkinan pelajar telah menyamakan konsep “berpura-pura” dengan konsep “berlagak” memandangkan “berlagak” itu sendiri telah menerangkan definisi “berpura-pura”. Di sini, terdapat kemungkinan remaja berkenaan telah berjaya mencapai makna *bermuka-muka*, tetapi gagal menjawab dengan betul akibat kekeliruan terhadap makna implisit yang didukungnya. Jika berdasarkan makna secara literal, jawapan responden yang mendukung makna “banyak” (muka surat) adalah tidak salah sama sekali.

Dalam kertas soalan, arahan yang diberikan bagi bahagian membina ayat ialah “Tulis satu ayat bagi setiap perkataan di bawah supaya jelas menunjukkan bahawa anda faham akan perbezaan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas”. Jika berpandukan arahan yang diberikan, *bermuka-muka* yang membawa konsep “banyak” dalam ayat adalah betul dan boleh diterima. Makna “banyak” dianggap boleh diterima sebagai jawapan yang betul kerana dua sebab, iaitu (i) “banyak” terkandung dalam definisi kamus dan (ii) masih mengikut arahan soalan (tidak menambahkan imbuhan dan tidak menggunakannya sebagai peribahasa). Walau bagaimanapun, skema jawapan menetapkan simpulan bahasa yang bermaksud “berpura-pura”.

Kegagalan responden mengetengahkan konsep “berpura-pura” dalam ayat yang dibina secara tidak langsung menunjukkan kegagalan mereka dalam mencapai makna yang tersirat. Pada hemat pengkaji, kegagalan ini adalah disebabkan berlakunya kekeliruan kepada pelajar kerana adanya pertentangan antara makna linguistik dengan makna pragmatik atau dengan kata mudahnya percanggahan antara makna literal dengan makna implisit bagi kata *bermuka-muka*. Dari segi linguistiknya, *bermuka-muka* merupakan kata terbitan gabungan antara imbuhan *beR-* + *muka* dan seterusnya mengalami proses penggandaan separa bagi membentuk kata *bermuka-muka*. Secara literal, makna yang dikandungnya merupakan

makna 1, 2 dan 4 dalam kamus. Namun, apa yang dikehendaki bukanlah makna literalnya (makna tatabahasa) tetapi makna simpulan bahasa *bermuka-muka*. Untuk mencapai makna tersirat ini melibatkan usaha *memproses* yang tinggi. Hal inilah yang mendorong pelajar menjawab *bermuka-muka* sebagai maksud “banyak” sepertimana yang terkandung dalam makna yang keempat dalam kamus. Selain itu, pegangan yang kuat terhadap sistem tatabahasa berkenaan fungsi sesuatu imbuhan itu menyebabkan mereka alpa tentang kepentingan maklumat bukan linguistik bagi membolehkan mereka menjawab soalan yang mempunyai makna dua lapis.

Dalam hal ini, pengetahuan pragmatik sangat penting bagi membolehkan mereka menjawab soalan yang mempunyai makna yang tersurat (implisit). Maklumat bukan linguistik yang dimaksudkan adalah seperti maklumat budaya, persekitaran atau dengan kata lain, konteks (Nor Hashimah Jalaluddin, 2010). Konteks merupakan seberkas andaian tentang dunia yang dibina secara psikologi oleh pendengar atau pembaca (Nor Hashimah Jalaluddin, 2003). Konteks dapat membantu mereka memperoleh maklumat ini. Melalui maklumat yang diperolehi, seterusnya membantu mereka memahami konsep “banyak muka” yang bukannya bermaksud mempunyai banyak muka, tetapi sebaliknya dikaitkan dengan mengubah pendirian dalam situasi yang berbeza, maka melahirkan kata *bermuka-muka* (Nor Hashimah Jalaluddin, 2010).

KEMAHIRAN PERIBAHASA

Menurut Za‘ba, peribahasa ialah susunan kata yang pendek dengan makna yang luas, mengandungi kebenaran, sedap didengar dan bijak perkataannya. “Peribahasa itu sama tuanya dengan bahasa sesuatu bangsa dan peribahasa mula-mula digunakan apabila bangsa manusia mulai mengenal peradaban, ketika organisasi kehidupan perlu diatur, batas antara yang baik dengan yang buruk perlu diadakan, untuk menjadi pendinding tatatertib pergaulan dan perhubungan hidup sesama manusia” (Abdullah Hussain, 1989).

Jika ditinjau sejarah penciptaan peribahasa pada ketika dahulu, peranannya adalah untuk menyampaikan mesej tersirat yang mengandungi pengajarannya sendiri. Walau bagaimanapun, perubahan kehidupan dan faktor persekitaran lain telah menyebabkan peribahasa warisan zaman-berzaman ini kian terpinggir begitu sahaja. Hakikatnya, selain maklumat linguistik yang diperlukan, maklumat bukan linguistik (maklumat pragmatik) sangat membantu pelajar dalam mentafsir mesej tersirat yang ada dalam

sesuatu peribahasa yang dicipta. Lantaran itu, dalam kajian ini, yang dilihat ialah sejauh mana maklumat bukan linguistik yang ada dalam diri remaja membantu mereka menjawab soalan peribahasa yang diberikan.

Dalam kajian ini, terdapatnya tiga situasi ayat yang diberikan, dan pelajar diminta untuk memberikan peribahasa yang bersesuaian dengan konteks ayat tersebut. Yang berikut ialah ayat yang telah dikemukakan:

- i. *Walaupun kita berasa kasihan atas nasib malang yang menimpa Amira, tetapi dia yang menanggungnya tentulah berasa lebih perit lagi.*
- ii. *Jamal menikmati segala kemewahan yang disediakan oleh bapanya tetapi dia tidak gembira kerana tidak dibenarkan bergaul bebas sesuka hati seperti remaja yang lain.*
- iii. *Perbelanjaan kita hendaklah bersesuaian dengan pendapatan dan janganlah kita berbelanja berlebih-lebihan.*

Pada umumnya, ketiga-tiga soalan tersebut memerlukan pemahaman yang tinggi kerana berkaitan dengan makna implisit. Bagi soalan (i), jawapan yang betul ialah “*berat mata memandang, berat lagi bahu memikul*”, jawapan bagi soalan (ii) ialah “*bagai burung di sangkar emas, badan terkurung mata terlepas*” manakala jawapan bagi soalan (iii) pula ialah “*ukur baju di badan sendiri*”.

Hasil kajian menunjukkan tahap penguasaan remaja Malaysia berhubung dengan peribahasa adalah kurang memuaskan atau pada tahap lemah. Berdasarkan hasil kajian yang diperoleh, peratusan betul bagi setiap peribahasa yang diberikan adalah tidak melebihi 60 peratus. Bagi soalan yang berkehendakkan jawapan peribahasa “*berat mata memandang, berat lagi bahu memikul*” menunjukkan peratusan betul yang tertinggi berbanding peribahasa lain. Sebanyak 58.3 peratus remaja telah menjawab dengan betul bagi soalan ini dan 41.7 peratus seterusnya gagal mencapai makna peribahasa tersebut. Peribahasa “*bak burung di sangkar emas, badan terkurung mata terlepas*” pula menunjukkan peratusan betul yang paling sedikit, iaitu hanya 32.3 peratus sahaja remaja yang boleh menjawabnya dengan betul berbanding 67.7 peratus yang salah bagi peribahasa ini. Sebanyak 46.3 peratus telah menjawab dengan betul bagi soalan yang berkehendakkan jawapan peribahasa “*ukur baju di badan sendiri*” manakala 53.7 peratus yang lainnya telah gagal memberikan peribahasa yang menepati konteks ayat tersebut. Pada bahagian ini akan dibincangkan secara terperinci tentang penguasaan pragmatik dalam kalangan remaja Malaysia dalam aspek peribahasa.

“berat mata memandang, berat lagi bahu memikul”

Data kajian yang diperoleh menunjukkan sebanyak 41.7 peratus remaja yang tidak dapat memberikan peribahasa yang sesuai bagi menggambarkan situasi yang diberikan dalam soalan. Situasi yang diberikan dalam soalan tersebut ialah:

- i. *Walaupun kita berasa kasihan atas nasib malang yang menimpa Amira, tetapi dia yang menanggungnya tentulah berasa lebih perit lagi.*

Berdasarkan penyemakan yang dibuat terhadap jawapan pelajar, didapati berbagai-bagai jawapan yang telah diberikan bagi menggambarkan situasi dalam soalan yang diberikan. Antaranya ialah:

- (a) Sudah jatuh ditimpa tangga.
- (b) Berat sama dipikul, ringan sama dijinjing.
- (c) Berat mata memandang, berat lagi mata yang memikul.
- (d) Berat mata memandang, berat lagi bahu yang mengalas bebannya.
- (e) Beg berat dijunjungnya, berat lagi hati yang memikulnya.
- (f) Berat yang memandang, berat lagi bahu memikul.
- (g) Siapa makan cili, dia terasa pedas.

Seperti yang dinyatakan sebelum ini, soalan peribahasa bukanlah soalan yang melihat makna harfiahnya semata-mata, tetapi turut melibatkan makna yang tersirat. Peranan pragmatik dengan ilmu kognitif akan terserlah ketika proses pentafsiran mesej tersirat yang ada dalam peribahasa itu. Gabungan peranan pragmatik dengan ilmu kognitif dan pembentukan psikologi dalam minda remaja mendorong pembentukan spekulasi andaian yang relevan dengan diri mereka. Maklumat logik yang dibekalkan melalui ilmu semantik membantu remaja mentafsirkan makna ayat yang diberikan secara harfiah. Walau bagaimanapun, pentafsiran makna ayat tersebut tidak terhenti setakat peringkat ini sahaja. Kesan kognitif yang mencukupi akan membantu remaja menginterpretasikan mesej yang terselindung dalam ayat tersebut dan mengaitkannya dengan peribahasa yang sesuai.

Berdasarkan soalan (a), hasil daripada interpretasi semantik, remaja berjaya mentafsir makna selapis, iaitu makna harfiah bagi ayat *Walaupun kita berasa kasihan atas nasib malang yang menimpa Amira* sebagai situasi yang menunjukkan “kesusahan”. Walaupun peribahasa yang

diberikan tidak tepat sepertimana situasi sebenar yang digambarkan dalam ayat, namun terdapatnya persamaan konsep yang cuba disampaikan oleh pelajar di sini, iaitu “kehidupan yang susah”.

Contoh (b) hingga (f), misalnya mempamerkan kejayaan pelajar mengaitkan kesusahan itu dengan satu “bebanan”. Buktinya melalui perkataan “berat” yang terdapat dalam jawapan yang diberikan. Dalam situasi ini, kesan kognitif yang ada membantu pelajar menginterpretasikan “konsep kesusahan” tersebut dengan frasa “beg berat dijunjungnya”. Pengalaman mereka menggalas beg yang berat ke sekolah setiap hari menyebabkan pelajar tersebut menghubungkan kesusahan yang ditimpa oleh Amira dalam situasi ayat tersebut diibaratkan seperti “beg berat” yang digalasnya setiap hari. Akibatnya lahirlah peribahasa ciptaan sendiri, iaitu “Beg berat dijunjungnya, berat lagi hati yang memikulnya” dan “Berat mata memandang, berat lagi bahu yang menggalas bebannya”.

Selain itu, terdapat juga remaja yang memberikan peribahasa “sudah jatuh ditimpa tangga”, dan “siapa makan cili, dia terasa pedas”. Peribahasa “sudah jatuh ditimpa tangga”, membawa maksud bencana atau malang yang menimpa seseorang yang sememangnya dalam kesusahan. Jika dilihat berdasarkan konsep yang didukung peribahasa “berat mata memandang, berat lagi bahu memikul”, maka tidak hairanlah mengapa pelajar menjawab peribahasa “sudah jatuh ditimpa tangga” bagi menggambarkan situasi yang terdapat dalam ayat “Walaupun kita berasa kasihan atas nasib malang yang menimpa Amira, tetapi dia yang menanggungnya tentulah berasa lebih perit lagi”. Hal ini kerana, walaupun kedua-dua peribahasa mempunyai makna yang berbeza, tetapi mesej yang cuba diketengahkan melalui peribahasa ini masih sama, iaitu kedua-duanya mengetengahkan mesej “kesusahan”. Cuma bezanya di sini, dalam peribahasa “berat mata memandang, berat lagi bahu yang memikul” melibatkan tindak balas perasaan terhadap pihak pemerhati, iaitu perasaan kasihan terhadap orang yang ditimpa kesusahan tersebut, tetapi sebaliknya dalam peribahasa “sudah jatuh ditimpa tangga” pula hanya melibatkan pemerhatian kepada orang yang sedang ditimpa kesusahan tersebut tanpa melibatkan perasaan dalam diri pemerhati. Dalam konteks jawapan yang diberikan ini, pelajar hanya berjaya menginterpretasi makna harfiah bagi frasa *nasib malang yang menimpa Amira* tetapi tidak berjaya mentafsirkan makna bagi frasa *walaupun kita berasa kasihan*.

Begitu juga dengan jawapan “siapa makan cili, dia terasa pedas” yang cuba digambarkan oleh pelajar untuk situasi yang terdapat dalam ayat yang diberikan. Maksud peribahasa ini ialah siapa yang salah, dialah

yang terasa. Peribahasa Melayu ini jelas menunjukkan bahawa orang yang bersalah akan terasa sendiri kesalahan yang dilakukan walaupun tidak dinyatakan secara terang-terangan. Peribahasa ini dikaitkan dengan keadaan seseorang yang memakan cili pasti berasa pedas. Walaupun makna bagi peribahasa “siapa makan cili, dia terasa pedas” dan “berat mata memandang, berat lagi bahu yang memikul” adalah sangat berbeza maknanya, namun situasi yang cuba digambarkan oleh pelajar untuk “siapa makan cili, dia terasa pedas” bukanlah didasari makna implisit yang terkandung dalam peribahasa ini, tetapi ada mesej lain yang cuba disampaikan melalui konsep peribahasa tersebut. Mesej yang terselindung di sebalik makna peribahasa “siapa makan cili dia terasa pedas” ialah siapa yang membuat salah dia sendiri yang akan terasa. Dalam konteks ayat yang diberikan, mesej yang tersirat di sebalik frasa “Amira yang bernasib malang” menggambarkan Amira yang sedang dalam kesusahan. Dalam konteks ini, “siapa makan cili dia terasa pedas” ditujukan kepada keadaan yang menimpa Amira yang ditimpa malang dan kesusahan, jadi hanya dia sendirilah yang berasa kesusahan dan keperitan atas apa yang menimpanya itu.

Walaupun pada dasarnya, remaja dilihat lebih menguasai peribahasa ini berbanding dua lagi peribahasa yang diberikan, “bagai burung di sangkar emas, badan terkurung mata terlepas” dan “ukur baju di badan sendiri”, namun pencapaian remaja bagi soalan ini masih pada tahap yang kurang memuaskan. Dalam memahami peribahasa, maklumat pragmatik (bukan linguistik) diperlukan. Kesan kognitif yang dijana daripada pengalaman dan persekitaran misalnya boleh membantu remaja menjawab soalan yang tidak hanya mempunyai makna selapis, tetapi mempunyai makna yang terselindung di sebalik makna harfiahnya. Berdasarkan pencapaian mengikut kaum, remaja kaum bukan Melayu menunjukkan pencapaian yang tidak memuaskan bagi soalan peribahasa “berat mata memandang, berat lagi bahu yang memikul”. Remaja Cina mencatatkan peratusan betul sebanyak 15.6 peratus, remaja India 30 peratus dan remaja lain-lain kaum 14.3 peratus.

Kelemahan penguasaan peribahasa ini ada kaitannya dengan kekurangan membaca bahan dalam bahasa Melayu. Hasil kaji selidik yang dilakukan menunjukkan peratusan bagi remaja kaum bukan Melayu membaca bahan dalam bahasa Melayu juga sedikit. Sebanyak 73.3 peratus remaja Cina, 60 peratus remaja India dan 56 peratus remaja kaum lain-lain mengakui mereka tidak berminat untuk membaca dan menulis bahan dalam bahasa Melayu. Keadaan ini menyebabkan mereka kurang terdedah

dan tidak tahu menggunakan peribahasa dalam konteks yang sesuai dan betul.

Selain kekurangan bahan bacaan dalam bahasa Melayu, pencapaian yang tidak memuaskan bagi peribahasa ini juga mungkin ada kaitannya dengan persekitaran remaja tersebut. Berdasarkan soal selidik yang dilakukan, hanya 50 peratus remaja yang mengakui televisyen sebagai media yang boleh memahirkan bahasa Melayu mereka. Persepsi sebegini memungkinkan mereka kurang berminat untuk menonton rancangan-rancangan yang disiarkan dalam televisyen.

KESIMPULAN

Berdasarkan penjelasan yang dikemukakan dalam makalah ini, pencapaian remaja bagi soalan yang berkaitan dengan pragmatik adalah kurang memuaskan. Hal ini mencerminkan bahawa remaja di Malaysia tidak menguasai soalan yang mempunyai ketersiratan makna. Faktor umum seperti persekitaran, sikap dan strategi membaca dalam memahami makna teks dianggap menjadi punca mereka gagal dalam menguasai kemahiran peribahasa. Faktor kekeliruan pula, antara fungsi, kategori dan ketersiratan makna dijadikan hujah mengapa remaja kurang menguasai aspek pembinaan ayat terbitan dan pilihan kata. Sistem pengajaran berdasarkan peperiksaan semata-mata seharusnya wajar diubah. Hal ini kerana, pengetahuan dan kemahiran terhadap rumus-rumus tatabahasa dalam kalangan pelajar sebenarnya adalah tidak lengkap, tanpa melihat aspek kecekapan mereka berbahasa. Kecekapan di sini merujuk kepada keupayaan pelajar menggunakan bahasa tersebut berdasarkan situasi tertentu. Adunan kemahiran linguistik dan bukan linguistik sesungguhnya membantu pelajar dalam meningkatkan kecekapan berbahasa. Perancangan kaedah pengajaran yang sistematik dan menarik untuk soalan-soalan yang berkaitan pragmatik, diharapkan dapat menarik minat pelajar dan seterusnya meningkatkan tahap penguasaan pragmatik dalam kalangan mereka.

RUJUKAN

- Abdullah Hussain, 1989. *Kamus Istimewa Peribahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Hamid Mahmood, 1990. “Penguasaan Bahasa Malaysia Baku di Kalangan Pelajar-pelajar” dlm. *Jurnal Dewan Bahasa* April: 243–52.
- Asmah Haji Omar, 1982. *Nahu Melayu Mutakhir*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Awang Mohamad Amin. 1981. “Beberapa Aspek Kelemahan Penguasaan Bahasa Malaysia di Kalangan Pelajar-pelajar Melayu Sekolah Menengah Atas: Satu Tinjauan Awal di Selangor dan Wilayah Persekutuan” dlm. *Jurnal Dewan Bahasa* Julai, 13–19.
- Azizul Rahman & Mohamad Saleeh, 2009. *Bunga-bunga Bahasa untuk Penulisan*. Johor: Puncak Mewah Enterprise.
- Chomsky, Noam, 1980. *Rules and Representations*. Oxford: Blackwell.
- Gumperz, J.J., 1971. *Language in Social: Essays*. California: Stanford University Press.
- Halliday, M.A.K., 1970. *Language Structure and Language Function*. Harmondsworth, England: Penguin.
- Ishak Ramly, 1990. “Perkembangan Peribahasa dalam Bahasa Melayu” dlm. *Jurnal Dewan Bahasa* Januari-Mei, 120–23.
- Kamus Dewan*, 2005. Edisi keempat. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nik Safiah Karim *et al.*, 2004. *Tatabahasa Dewan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nor Hashimah Jalaluddin, 2003. *Bahasa dalam Perniagaan, Satu Analisis Semantik dan Pragmatik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nor Hashimah Jalaluddin, Zaharani Ahmad & Idris Aman, 2003. “Penguasaan Bahasa Melayu oleh Pelajar Melayu dalam Arus Globalisasi” dlm. *Jurnal Bahasa* Mac, hlm. 63–95.
- Nor Hashimah Jalaludin, 2007. “Budaya Penyelidikan Bertamadun” dlm. Nor Hashimah Jalaludin, Imran Ho Abdullah & Idris Aman (ed.) *Linguistik Teori dan Aplikasi*, 17–36. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nor Hashimah Jalaluddin & Junaini Kasdan, 2010. “Remaja Malaysia dan Peribahasa Melayu” dlm. *Prosiding Seminar Sehari Persatuan Linguistik Malaysia*, hlm. 100-08. Kuala Lumpur
- Nor Hashimah Jalaluddin, 2010. “Sosiokognitif dan Penguasaan Pragmatik Bahasa Melayu Remaja Malaysia: Kupasan Ilmiah” dlm. *Prosiding Seminar Sehari Persatuan Linguistik Malaysia*, hlm. 1–18. Kuala Lumpur.
- S. Nathesan, 1999. *Pendekatan dan Teknik Pendidikan Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Widdowson, H., 1978. *Teaching Language and Communication*. Oxford: University Press.

NOR HASHIMAH JALALUDDIN DAN JULAINA NOPIAH

Zaharani Ahmad, 2007. “Penyelidikan dalam Bidang Morfologi”. Kertas Kerja Seminar Antarabangsa Linguistik dan Pembudayaan Bahasa Melayu Ke-3. Universiti Kebangsaan Malaysia.

Zaharani Ahmad & Fazal Mohamed Mohamed Sultan, 2010. “Tahap Penguasaan Bahasa Melayu Remaja Malaysia” dlm. *Jurnal Linguistik* Edisi Khas 10:48–61.

Zulkifley Hamid, Ramli Md Salleh & Rahim Aman, 2006. *Linguistik Melayu*. Bangi: Penerbit UKM.